



GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI TABUNG PENGURUSAN RUMAH IBADAT

1. PENGENALAN

- 1.1** Selaras dengan fokus Kerajaan untuk meringankan perbelanjaan operasi rumah ibadat, peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) telah dipinda untuk melayakkan Tabung Pengurusan Rumah Ibadat (TPRI) mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967. TPRI ini bukanlah sebuah pertubuhan atau organisasi yang diluluskan dan didaftarkan di bawah mana-mana pihak berkuasa.
- 1.2** Bagi tujuan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, TPRI akan diberi kelulusan sebagai sebuah tabung yang diwujudkan melalui satu Peraturan Rumah Ibadat yang dipertanggungjawabkan kepada ahli jawatankuasa (AJK) rumah ibadat.
- 1.3** Bagi rumah ibadat yang mempunyai cawangan-cawangan yang bernaung di bawahnya, permohonan untuk kelulusan boleh dibuat oleh AJK setiap cawangan rumah ibadat tersebut dengan syarat cawangan berupaya menyediakan akaun berauditnya sendiri dan cawangan ditadbir oleh AJK selain daripada AJK Induk rumah ibadat.
- 1.4** Oleh kerana TPRI dianggap sebagai satu entiti tersendiri, maka AJK rumah ibadat perlu menyediakan akaun TPRI yang berasingan daripada akaun utama rumah ibadat. Pendapatan TPRI dan pendapatan-pendapatan lain rumah ibadat seperti berikut tidak boleh disatukan –

(i) Pendapatan TPRI

Secara amnya pendapatan TPRI adalah derma daripada penganut. Pendapatan TPRI yang diberi kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 13(1)(a) Jadual 6 ACP 1967.

(ii) Pendapatan-pendapatan lain rumah ibadat

Pendapatan-pendapatan lain rumah ibadat seperti pendapatan berhubung aktiviti pengendalian tanah perkuburan awam, taman asuhan kanak-kanak dan kedai buku tidak boleh disatukan dengan pendapatan TPRI. Pendapatan-pendapatan tersebut tertakluk kepada cukai pendapatan kecuali aktiviti pengendalian tanah perkuburan awam yang dikecualikan daripada bayaran cukai pendapatan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 36) 2005 [P.U. (A) 266/2005].

Walau bagaimanapun, pendapatan (kecuali pendapatan dividen) sesebuah institusi atau organisasi keagamaan yang tidak bermotifkan keuntungan dan ditubuhkan semata-mata bagi tujuan penyembahan atau pengembangan agama layak dikecualikan cukai pendapatan menurut peruntukan perenggan 13(1)(b) Jadual 6 ACP 1967.

- 1.5** Dana TPRI hendaklah digunakan semata-mata bagi tujuan perbelanjaan operasi harian rumah ibadat seperti belanja pentadbiran, utiliti, pembaikan dan penggantian (replacement basis). Dana tidak boleh digunakan bagi tujuan pembinaan atau penambahbaikan atau pengubahsuaian (major improvement and renovation) yang mengubah bentuk asal rumah ibadat. Bagi tujuan pembinaan atau penambahbaikan rumah ibadat, permohonan hendaklah dibuat secara berasingan mengikut peruntukan subperenggan 44(7)(c)(i) ACP 1967.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menerangkan lebih lanjut maksud TPRI, syarat-syarat kelulusan dan prosedur permohonan untuk kelulusan serta hal-hal lain yang berkaitan. Ia menggantikan Garis Panduan bertarikh 27 September 2012.

3. DEFINISI TABUNG PENGURUSAN RUMAH IBADAT

3.1 Sebuah tabung yang ditubuhkan khusus untuk pengurusan sesebuah bangunan di Malaysia yang digunakan semata-mata bagi maksud sama ada tempat ibadat atau pengembangan agama, atau tabung yang diwujudkan bagi tujuan menjalankan dan menguruskan apa-apa aktiviti berkaitan dengan tempat ibadat atau pengembangan agama tersebut seperti peruntukan subperenggan 44(7)(c)(ii) dan (iii) ACP 1967 berikut -

“ An organization established and maintained exclusively to administer and augment a public fund established and held solely for the purposes of religious worship or the advancement of religion and such fund is to be used –

(ii) to provide facilities to carry on the activity related to those purposes; or

(iii) to provide for the management of the activity related to those purposes”.

3.2 Bagi masjid dan surau, ia mestilah sebuah bangunan yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam. Bagi kuil, gereja, gudwara dan tokong, ia mestilah disahkan kewujudan dan operasinya oleh Pertubuhan Agama Induk (*National Religious Body*) yang berkenaan seperti Malaysian Buddhist Association, Christian Federation of Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Malaysian Gurdwaras Council dan Federation of Taoist Association Malaysia.

3.3 Bagi rumah ibadat seperti di atas atau lain-lain rumah ibadat yang tidak berdaftar dengan mana-mana Pertubuhan Agama Induk, TPRI perlu mendapatkan sokongan daripada Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) atau Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.

- 3.4 Organisasi yang ditubuhkan bagi tujuan pengembangan agama dan **tidak memiliki bangunan rumah ibadat** juga boleh memohon untuk dipertimbangkan kelulusan di bawah peruntukan yang sama. Walau bagaimanapun syarat-syarat kelulusan dan prosedur permohonan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam ***Garis Panduan Bagi Permohonan Untuk Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967 yang dikeluarkan pada Januari 2005.***

4. PROSEDUR DAN KEPERLUAN PERMOHONAN

- 4.1 Tiada borang khas untuk mengemukakan permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
- 4.2 Permohonan hendaklah dibuat oleh AJK TPRI/pengendali rumah ibadat sama ada sebuah syarikat atau sebuah pertubuhan. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen dan maklumat berikut dengan lengkap -
- (i) Peraturan TPRI (sila rujuk lampiran Peraturan TPRI)
 - (ii) Senarai AJK berserta maklumat lengkap (nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan dan alamat majikan atau alamat perniagaan) setiap AJK rumah ibadat (sila rujuk lampiran AJK)
 - (iii) Surat Kelulusan / Pengesahan / Sokongan daripada badan berikut yang mana berkenaan –
 - a. Surat kelulusan Majlis Agama Islam
 - b. Surat Pengesahan daripada Pertubuhan Agama Induk (*National Religious Body*) seperti Malaysian Buddhist Association, Christian Federation of Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Malaysian Gurdwaras Council atau Federation of Taoist Association Malaysia
 - c. Surat Sokongan daripada Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST), atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- d. Surat Sokongan daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.
- (iv) Sesalinan perakuan pendaftaran AJK/badan yang mengendalikan rumah ibadat atau pengesahan kewujudan rumah ibadat di bawah Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan
- (v) Sesalinan perlembagaan AJK/badan yang mengendalikan rumah ibadat, dan
- (vi) Senarai aktiviti yang telah dijalankan oleh rumah ibadat dan perancangan aktiviti yang akan dijalankan oleh TPRI/rumah ibadat.

4.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada -

Ketua Pengarah
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Dasar Percukaian
Aras 17 Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
Selangor

[u/p : Pengarah Jabatan Dasar Percukaian]

5. SYARAT-SYARAT KELULUSAN

5.1 Objektif

TPRI mestilah ditubuhkan di Malaysia semata-mata bagi tujuan -

- (i) Pengurusan sesebuah bangunan di Malaysia yang digunakan semata-mata bagi maksud tempat ibadat atau pengembangan agama, atau
- (ii) Menjalankan dan menguruskan apa-apa aktiviti berkaitan dengan tempat ibadat atau pengembangan agama.

5.2 Manfaat

Manfaat TPRI tidak boleh dinikmati oleh pengasas atau AJK dan staf TPRI. Mereka yang mempunyai kuasa dan kedudukan tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan tersebut untuk kepentingan sendiri.

5.3 Ahli Jawatankuasa

Sekurang-kurangnya 70% daripada AJK terdiri daripada mereka yang ada kaitan dengan Lembaga Rumah Ibadat. AJK tidak boleh mempunyai kaitan antara satu sama lain seperti hubungan kekeluargaan, hubungan majikan pekerja atau apa-apa hubungan yang boleh menyebabkan AJK berkenaan berkuasa sepenuhnya dalam TPRI.

5.4 Perbelanjaan Dana TPRI

- (i) Pendapatan dan derma yang diperolehi mestilah dibelanjakan setiap tahun untuk menjalankan objektif-objektif TPRI sahaja. Wang terkumpul yang tidak habis dibelanjakan dalam satu tahun dibenarkan dibawa untuk dibelanjakan dalam tahun-tahun berikutnya.
- (ii) Perbelanjaan yang dibenarkan adalah -
 - a. Gaji tetap pekerja/upah pekerja sambilan seperti tukang cuci/tukang kebun.
 - b. Belanja pentadbiran dan operasi.
 - c. Belanja utiliti seperti bayaran bil elektrik, air dan telekomunikasi meliputi telefon dan internet.
 - d. Belanja peralatan yang digunakan di rumah ibadat seperti penyaman udara, *WIFI Systems, public address systems, sound and lighting systems, LCD Projector, LCD screens, computer, security control dan surveillance equipment.*
 - e. Bayaran penceramah.
 - f. Belanja ubahsuai yang tidak melibatkan perubahan struktur bangunan rumah ibadat.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- g. Belanja pembelian kenderaan semata-mata bagi kegunaan aktiviti rumah ibadat.
- (iii) Jika didapati perbelanjaan yang dituntut tidak berkaitan dengan rumah ibadat atau berlebihan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) berhak menarik balik kelulusan yang telah diberi.
- (iv) TPRI hendaklah menyimpan rekod bagi setiap perbelanjaan yang dituntut selama 7 tahun bagi tujuan audit.
- (v) Dana TPRI tidak boleh digunakan bagi tujuan pembinaan, penambahbaikan atau pengubahsuaian bangunan yang digunakan sebagai rumah ibadat. Bagi tujuan pembinaan, penambahbaikan atau pengubahsuaian, permohonan hendaklah dibuat secara berasingan mengikut peruntukan subperenggan 44(7)(c)(i) ACP 1967.

5.5 Penyata Kewangan

- (i) TPRI hendaklah mengemukakan penyata kewangan beraudit oleh juruaudit bertauliah bagi setiap tahun kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (Jabatan Dasar Percukaian) selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya.
- (ii) TPRI dikehendaki mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan TF ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan TPRI.

5.6 Pindaan kepada Peraturan TPRI

- (i) Sebarang pindaan yang hendak dilakukan kepada Peraturan TPRI hendaklah terlebih dahulu dimaklumkan dan mendapat kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) sebelum ianya boleh dilaksanakan.
- (ii) Bagi tujuan kelulusan KPHDN, TPRI dikehendaki mengemukakan minit mesyuarat AJK yang meluluskan pindaan tersebut.

5.7 Pembubaran

Berikut adalah langkah-langkah yang perlu diambil oleh AJK sekiranya TPRI hendak dibubarkan-

- (i) Mengemukakan surat permohonan pembubaran TPRI untuk kelulusan KPHDN. Surat permohonan pembubaran perlu menyatakan bagaimana baki dana akan digunakan atau diagihkan.
- (ii) Dengan kelulusan KPHDN, tindakan pembubaran boleh dilaksanakan dengan menjelaskan kesemua hutang dan tanggungan. Baki wang jika ada hendaklah dipindahkan kepada akaun utama rumah ibadat dan digunakan bagi maksud yang telah diluluskan.
- (iii) Akaun bank TPRI yang berasingan tersebut hendaklah segera ditutup.

5.8 Larangan

TPRI tidak akan terlibat dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan Kesatuan Sekerja.

6. PERKARA LAIN

6.1 Kelulusan yang diberi kepada TPRI adalah berterusan iaitu sebagai sebuah organisasi layak menurut peruntukan subperenggan 44(7)(c)(ii) dan (iii) ACP 1967.

6.2 TPRI yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 dan penderma kepada TPRI yang diluluskan akan menikmati pengecualian cukai dan potongan seperti berikut -

- (i) Pengecualian Cukai

TPRI yang diluluskan mendapat pengecualian cukai ke atas pendapatan [kecuali pendapatan dividen yang diagihkan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

daripada akaun seksyen 108 (franked dividend)] di bawah Perenggan 13 Jadual 6 ACP 1967.

(ii) Potongan

Penderma yang menderma kepada TPRI yang telah diluluskan layak mendapat potongan atas derma mereka dalam pengiraan jumlah pendapatan. Potongan yang dibenarkan daripada pendapatan agregat adalah terhad kepada peratusan sebagaimana yang ditetapkan dalam proviso kepada subseksyen 44(6) ACP 1967.

Perlu diingatkan bahawa hanya derma wang tunai yang disokong oleh resit rasmi layak untuk potongan. Derma berupa barangan (misalnya perabot, perkakasan elektrik, permaidani dan piano) tidak layak untuk potongan.

6.3 Semua sumbangan yang diterima hendaklah dikeluarkan resit rasmi yang mencatatkan dengan jelas -

- (i) Nama TPRI
- (ii) Nombor siri resit rasmi
- (iii) Rujukan kelulusan iaitu nombor rujukan fail
- (iv) Tarikh kuat kuasa kelulusan
- (v) Nombor rujukan Warta Kerajaan.

6.4 Baki atau lebihan wang hasil kutipan untuk tabung pembinaan rumah ibadat yang telah diluluskan terdahulu oleh KPHDN boleh disalurkan kepada TPRI.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1 Julai 2013

s.k : LHDN.01/35/42/51/179-11